


LAMPIRAN 1:

S1. PENGETAHUAN SEDIA ADA

Apakah kebaikan tenaga solar ?

Cuba fikirkan pemanas air solar dirumah anda. Pernah kah kamu gunakan mesin pengiraan elektronik (calculator)solar atau jam tangan solar ? Cuba fikirkan kebaikannya.

S2. MENGATEGORI DAN MENYUSUN**S3. KONSEP UTAMA**

Perlombongan petroluem di Malaysia

Petroluem-- galian—bahan api—perlombongan luar pantai—sulfur rendah—petronas – mencari gali—menggerudi

S4. MEMBANDING DAN MENGGONTRAS

Cuba banding dan kontraskan letakan stesen KEH (hidro) dan KET (terma) di Malaysia?

KEH

Aliran sungai
Kawasan pedalaman
Boleh diperbarui
Bersih

KET

pembakaran disel
kawasan bandar
tidak boleh diperbarui
pencemaran

S5. MEMBUAT GENERALISASI

Masalah perlombongan di Malaysia

Masalah perlombongan bijih timah : sumber tidak boleh diperbarui, kesan keatas alam sekitar, harga yang tidak stabil....

Masalah perlombongan petroluem : sumber tidak boleh diperbarui, kesan ke atas alam sekitar, harga.....

S6. MENGEMBANG DAN MENYIMPULKAN

Apakah ciri-ciri tanah lanar ?

Subur , bertakung air, halus, berwarna gelap, hasil mendapan,terdapat di delta dan lembah sungai.....

Apakah ciri-ciri untuk penanaman padi ?

Tanah yang subur, kawasan yang rata, pengairan yang cukup.....

Kesimpulan : Penanaman padi sesuai dijalankan di kawasan delta dan lembah sungai.

S7. MENYOAL SERTA MENJAWAB

Cuba anda fikirkan soalan dan jawapan yang sesuai untuk perlombongan bijih timah di Malaysia.

Bagaimana taburannya? Di Lembah Kinta, Lembah Kelang...
Apakah kegunaannya? Saduran, pateri, piuter....

S8. MENGINGAT SECARA VISUAL

Cuba bayangkan taburan mineral-mineral lain di Malaysia?

Bayangkan peta Malaysia di minda anda. Tengah Semenanjung Malaysia ada emas (Raub), 'mata' Sabah ada kuprum (Mamut), P. Lankawi ada batu mamar.....

S9. MEMBUAT HIPOTESIS

Apa akan terjadi kepada Malaysia sekiranya terjumpa kegunaan baru untuk bijih timah?

Harga timah naik.... Peleburan semula timah lama..... mencari gali yang meleluasa....

S10. MEMBEZAKAN SEBAB-AKIBAT

*Apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh perlombongan bijih timah di Malaysia ?
Cuba fikirkan sebab-akibatnya.*

Longgokan semakin pupus---- kos perlombongan tinggi.
Persaingan guna tanah---- tanah terbiar.

Iklim 气候.

Cuaca 天气 ① hujan

② cerah

③ mendung

Chatulistiwa 赤道

Tropika 热带

iklim khatulistiwa 热带气候.

a. panas ~ 28°C sepanjang tahun

b. hujan ~ 7000 mm

c. angin musunur ~ i Musim panas

ii angin musunur

Tanah tinggi.

Pahang

Sabah, Sarawak

Terengganu.

特征.

kepentingan

1. > 400m

2. Cerun Curam 陡

3. hutan

4. Suhu rendah

5. haiwan liar

6. tadahan hujan

① pembalakan & pembangunan

② pelancong

③ pertanian haiwan liar

④ kawasan tadahan hi

⑤ K.E.H.

Tanah: Perak ~ ① datar ② Simpa ③ tepi Sungai

1. rendah.

keaktifan

2. luas

① pertanian

3. rata 平坦

② pertanian

4. Tanah laras 适中

② tumpuan sistem pelubangan

5. Subur

① lotakan Badar.

6. Saliran turang baik 排水好

LAMPIRAN 3:

Apakah strategi berfikir yang saya perlukan untuk pembelajaran yang berkesan?

Cuba pilih dan lakarkan strategi berfikir yang sesuai untuk konten pembelajaran yang diberikan.

Misalnya:

Ciri-ciri iklim khatulistiwa.....

S3.(konsep utama)

- Panas—sepanjang tahun
- Lembap—hujan tahunan 2000mm

SENARAI STRATEGI BERFIKIR

- S1. PENGETAHUAN LAMPAU 与先前知识挂钩
- S2. MENGATEGORI DAN MENYUSUN 分类与重组
- S3. KONSEP UTAMA 关键词句/概念
- S4. MEMBANDING DAN MENGKONTRAS 相比与对比
- S5. MENGGENERALISASIKAN 能类推
- S6. MENGEMBANG DAN MENYIMPULKAN 扩大与总结
- S7. MENYOAL SERTA MENJAWAP 自问自答
- S8. MENGINGAT SECARA VISUAL 形象化回忆
- S9. MEMBUAT HIPOTESIS 能假设
- S10. MEMBEZAKAN SEBAB-AKIBAT 能分辨因果关系

MALAYSIA: PENDUDUK DAN PETEMPATAN



1.1 Petempatan Awal


Kebanyakan petempatan awal Malaysia terletak di pinggir laut atau di muara sungai kerana sebab-sebab yang berikut:

- (a) **Keselamatan** – kubu pertahanan senang dibina.
- (b) **Perhubungan** – sungai dan laut menyediakan kemudahan perhubungan yang mudah. Balak dan bijih timah diangkut.
- (c) **Mata pencarian:**
 - (i) Laut dan sungai membekalkan sumber ikan.
 - (ii) Tanah lanar di lembah sungai sesuai untuk bercucuk tanam.
- (d) **Bentuk muka bumi** – terdapat tanah pamah rata yang sesuai.
- (e) **Kemudahan** – sungai menjadi sumber air minuman, membasuh, dan mandi-manda.

Petempatan awal juga didirikan di gua-gua kerana selamat daripada serangan binatang liar dan cuaca buruk.

Petempatan awal di Malaysia didirikan di muara sungai, tebing sungai, dan pinggir laut.

1.2 Taburan Penduduk



Peta 21.2 Malaysia: Taburan penduduk dan bandar-bandar utama

Kira-kira 82% daripada jumlah penduduk tinggal di Semenanjung Malaysia, 7% tinggal di Sabah, dan 11% tinggal di Sarawak.

95% daripada penduduk Malaysia bertumpu:

- (a) di dataran dan lembah sungai
- (b) di kaki bukit
- (c) di pinggir pantai

Pada umumnya, taburan penduduk tidak sekata di Malaysia.

Kawasan-kawasan yang penduduknya padat:

- (a) Lembah Klang, Lembah Kinta, Dataran Kedah, Pulau Pinang, Seberang Perai, dan Delta Kelantan.
- (b) Sekitar bandar-bandar besar seperti George Town, Ipoh, Kuala Lumpur, Seremban, Melaka, Johor Bahru, Kota Bharu, Kuala Terengganu, Kuantan, Kota Kinabalu, dan Kuching.

Kawasan-kawasan yang penduduknya sederhana padat:

- (a) kawasan lembah Sungai Pahang dan Sungai Baram.
- (b) kawasan kaki bukit dan pantai yang tidak berpayau.
- (c) kawasan rancangan kemajuan tanah seperti Segitiga Jengka, Pahang Terengganu, Johor Terengganu, dan Kelantan Tengah.
- (d) Semenanjung Semporna, dataran pantai barat, Lembah Sungai Kinabatangan, Labuk, Dataran Keningau-Tambunan, dan bandar-bandar besar seperti Labuan, Beaufort, Lahad Datu, Kudat, dan Keningau di Sabah.
- (e) lembah-lembah hilir Sungai Rajang, Sungai Oya, dan Sungai Mukah; bandar-bandar kecil seperti Sibu, Bintulu, Miri, dan Mukah di Sarawak.

Kawasan-kawasan yang penduduknya jarang:

- (a) kawasan yang bergunung-ganang dan berhutan tebal seperti Banjaran Titiwangsa dan Banjaran Crocker
- (b) kawasan yang berpayau bakau dan air tawar
- (c) kawasan timur dan pedalaman di Sabah
- (d) kawasan pedalaman yang terpencil di Sarawak


Pantai barat Semenanjung Malaysia menjadi tumpuan penduduk kerana:

- (a) terdapat dataran lebar yang luas lagi subur yang sesuai untuk penanaman padi.
- (b) terdapat kawasan yang beralun dan kaki bukit yang bersaliran yang sesuai untuk penanaman getah dan kelapa sawit.
- (c) kaya dengan longgokan bijih timah.
- (d) terdapat bandar-bandar besar dan pelabuhan yang baik.
- (e) terdapat banyak pusat perindustrian.
- (f) terdapat jaringan jalan raya dan kereta api yang baik.
- (g) kawasan ini adalah kawasan yang paling awal dimajukan oleh penjajah Inggeris.

1.3 Pola Petempatan di Malaysia

Pada umumnya terdapat, tiga jenis petempatan, iaitu:

- petempatan berpusat.
- petempatan berjajar atau linear.
- petempatan berselerak.




Rajah 21.3 Petempatan berpusat

Petempatan berpusat:

- Rumah dan bangunan tersusun rapat.
- Petempatan jenis ini biasanya terdapat di simpang jalan raya, jalan keretapi, di pelabuhan, atau di pusat-pusat perniagaan dan perdagangan.
- Petempatan berpusat terdapat di pekan, bandar, dan bandar raya seperti Kajang, George Town, dan Kuala Lumpur.

Petempatan berjajar atau linear:


- Rumah dan bangunan tersusun di sepanjang pinggir pantai, tebing sungai, terusan, permatang, jalan raya, atau landasan kereta api.
- Petempatan jenis ini terdapat di kawasan penanaman padi seperti Dataran Kedah-Perlis.



Rajah 21.4 Petempatan berjajar

Petempatan berselerak:

- Rumah dan bangunan dibina jauh di antara satu dengan yang lain.
- Petempatan ini biasanya terdapat di kawasan pedalaman dan kawasan luar bandar terutama di kebun-kebun kecil.



Rajah 21.5 Petempatan berselerak

1.5 Bandar-bandar Utama

Faktor-faktor yang Mempengaruhi Perkembangan Bandar

- Lokasi – kedudukan bandar mempunyai kawasan yang sesuai untuk perkembangannya.
- Fungsi – bandar itu mempunyai kemudahan-kemudahan yang cukup untuk menampung jumlah penduduk yang kian bertambah.
- Lingkungan pengaruh bandar mempunyai kawasan sekitar yang luas yang boleh menyediakan bahan mentah, tenaga, dan pasaran.
- Jalan perhubungan memudahkan pergerakan penduduk dan barangan yang dapat meluaskan lingkungan pengaruh.

Fungsi Bandar

Sebagai pusat pentadbiran seperti Alor Setar, George Town, Ipoh, Kuala Lumpur, Shah Alam, Seremban, Melaka, Johor Bahru, Kuantan, Kuala Terengganu, Kelantan, Kuching, dan Kota Kinabalu.

Sebagai pelabuhan seperti Klang, Melaka, Johor Bahru, George Town, Kuantan, Kuching, dan Kota Kinabalu.

Sebagai bandar perlombongan seperti:

- (a) Ipoh, Seremban, dan Kuala Lumpur sebagai kawasan perlombongan bijih timah.
- (b) Miri, Kerteh, dan Lutong disebabkan oleh kegiatan melombong petroleum.

Sebagai bandar pelancongan seperti Melaka, Tanah Tinggi Cameron, Pulau Pangkor, Pulau Langkawi, dan George Town.

Sebagai bandar pertanian seperti


- (a) Alor Setar dan Tanjung Karang sebagai kawasan penanaman padi.
- (b) Seremban sebagai kawasan penanaman getah.

Sebagai bandar perkilangan seperti Bayan Lepas, Perai, Ipoh, Kuala Lumpur, Petaling Jaya, Shah Alam, Johor Bahru, Kuantan, Kuching, dan Kota Kinabalu.

Sebagai bandar perdagangan seperti Kuala Lumpur, Klang, Seremban, Johor Bahru, Ipoh, Kuching, dan Kota Kinabalu.

Sebagai pusat pengajian tinggi seperti Kuala Lumpur, Bangi, dan George Town.

Kuala Lumpur



Bandar raya Kuala Lumpur terletak di pertemuan Sungai Gombak dan Sungai Klang.


Pentingnya dan perkembangan bandar raya Kuala Lumpur:

- (a) Sebagai ibu kota Malaysia. Oleh itu, bandaraya ini adalah pusat pentadbiran dan politik Malaysia.
- (b) Sebagai pusat tumpuan jalan raya dan kereta api:
 - (i) Jalan raya dan kereta api menghubungkan Kuala Lumpur dengan bandar-bandar besar yang lain.
 - (ii) Bandar raya ini juga mempunyai sebuah lapangan terbang antarabangsa di Subang.
- (c) Sebagai pusat perindustrian. Kawasan-kawasan perindustriannya terletak di Petaling Jaya, Sungai Way, dan Shah Alam.
- (d) Sebagai pusat perdagangan dan perniagaan dengan kemudahan seperti pasar besar, pasaran saham, bank, institusi kewangan, dan syarikat insurans.
- (e) Sebagai pusat pendidikan utama Malaysia. Universiti Malaya, Universiti Pertanian, Universiti Kebangsaan Malaysia, Institut Teknologi Mara, maktab-maktab perguruan, dan pusat-pusat pengajian swasta terletak di sini.
- (f) Sebagai pusat pelancongan. Pusat-pusat pelancongan seperti Muzium Negara, Zoo Negara dan Taman Tasik Perdana terletak di sini. Di sini terdapat juga hotel-hotel yang bertaraf antarabangsa dan pusat-pusat beli-belah.
- (g) Sebagai pusat eksport dan import bagi Malaysia kerana terdapat banyak agensi import dan eksport. Pelabuhan Klang yang terletak kira-kira 44 km dari bandar raya ini menjadi pelabuhan utamanya.


Perkembangan awal bandar raya Kuala Lumpur disebabkan oleh kegiatan perlombongan bijih timah.

Petempatan dan Penduduk

Soalan 46 berdasarkan peta di bawah ini.



- 46 Kawasan yang berlorek dalam peta menunjukkan kawasan
- | | |
|------------------|-------------------|
| A perindustrian. | C pertanian. |
| B perlombongan. | D penduduk padat. |




- 48 Faktor utama yang mungkin sekali menyebabkan perkembangan petempatan Y ialah...
- | | |
|-------------------------------|-----------------------------|
| A sumber mineral yang banyak. | C pusat perikanan. |
| B pusat pentadbiran. | D kedudukan yang strategik. |
- 49 Di antara kawasan-kawasan yang berikut, yang manakah yang mungkin sekali terdapat pola petempatan berselerak?
- | |
|--------------------------|
| A kawasan penanaman padi |
| B ladang kelapa sawit |
| C kebun kecil getah |
| D kampung perikanan |
- 50 Yang berikut merupakan faktor-faktor yang mempengaruhi petempatan awal, kecuali
- | |
|-------------------|
| A perindustrian. |
| B keselamatan. |
| C perhubungan. |
| D kemudahan asas. |


Bangi
Jitra
Kuala Lumpur

- 51 Kawasan-kawasan petempatan yang disenaraikan di atas memainkan fungsi sebagai
- | |
|---|
| A pusat perdagangan. |
| B pusat pelancongan. |
| C pusat pengajian tinggi. |
| D pusat mengumpulkan hasil-hasil pertanian. |
- 54 Petempatan berjajar biasanya terdapat di kawasan-kawasan yang berikut, kecuali
- | |
|----------------------|
| A tebing sungai. |
| B petempatan FELDA. |
| C tepi jalan. |
| D sepanjang terusan. |

Soalan 55 berdasarkan peta yang berikut.



- 55 Kawasan yang berlorek dalam peta di atas mempunyai kepadatan penduduk yang tertinggi di Malaysia kerana
- | |
|---|
| I banyak terdapat bandar besar. |
| II banyak terdapat pusat perindustrian. |
| III perlombongan petroleum giat dijalankan. |
| IV mempunyai sistem pengangkutan dan perhubungan yang maju. |
- | |
|--------------------------|
| A I, II, dan III sahaja |
| B II, III, dan IV sahaja |
| C I, II, dan IV sahaja |
| D I, II, III, dan IV |



- 53 Kawasan yang ditandai Y dalam peta mempunyai kepadatan penduduk yang amat jarang kerana
- | |
|---------------------------|
| I bergunung-ganang. |
| II berhutan tebal. |
| III berpaya. |
| IV kurang kemudahan asas. |
- | |
|--------------------------|
| A I, II, dan III sahaja |
| B II, III, dan IV sahaja |
| C I, II, dan IV sahaja |
| D I, II, III, dan IV |

Apakah strategi berfikir yang saya perlukan untuk pembelajaran yang berkesan?

Cuba pilih dan lakarkan strategi berfikir yang sesuai untuk konten pembelajaran yang diberikan.

Misalnya:


Ciri-ciri iklim khatulistiwa.....

S3.(konsep utama)

- Panas—sepanjang tahun
- Lembap—hujan tahunan 2000mm

SENARAI STRATEGI BERFIKIR

- S1. PENGETAHUAN LAMPAU 与先前知识挂钩
- S2. MENGATEGORI DAN MENYUSUN 分类与重组
- S3. KONSEP UTAMA 关键词句/概念
- S4. MEMBANDING DAN MENGKONTRAS 相比与对比
- S5. MENGGENERALISASIKAN 能类推
- S6. MENGEMBANG DAN MENYIMPULKAN 扩大与总结
- S7. MENYOAL SERTA MENJAWAP 自问自答
- S8. MENINGAT SECARA VISUAL 形象化回忆
- S9. MEMBUAT HIPOTESIS 能假设
- S10. MEMBEZAKAN SEBAB-AKIBAT 能分辨因果关係



Pentingnya Pertanian

1. Pertanian meliputi 17% daripada kawasan Malaysia dan melibatkan 27.8% daripada jumlah tenaga pekerja Malaysia (1990).
2. Pertanian menyumbang 20.7% daripada jumlah eksport negara (1990).
3. Pertanian membekalkan:
 - (a) bahan makanan
 - (b) bahan mentah bagi industri pemprosesan
 - (c) bahan eksport
4. Pertanian menggalakkan perkembangan sektor industri memproses hasil-hasil pertanian seperti memproses susu getah, minyak kelapa sawit, minyak kelapa, dan lain-lain.
5. Hasil pertanian seperti padi telah mengurangkan sebahagian besar pengimportan beras.
6. Pertanian menyediakan peluang pekerjaan dalam sektor pertanian sendiri dan perindustrian.
7. Malaysia adalah pengeksport utama kelapa sawit di dunia.
8. Di bawah rancangan FELDA, banyak tanah baru di kawasan luar bandar dibuka dan dimajukan untuk penanaman kelapa sawit, getah, koko, dan tembakau. Usaha ini telah:
 - (a) mempelbagaikan tanaman;
 - (b) meningkatkan taraf hidup penduduk luar bandar;
 - (c) menggalakkan pertumbuhan bandar-bandar baru seperti Penawar, Durian Mas, dan Kota Perdana;
 - (d) mengurangkan kadar kemiskinan di kawasan luar bandar.


Jenis-jenis Pertanian

1. Kini terdapat tiga jenis pertanian utama yang dijalankan di Malaysia, iaitu:
 - (a) pertanian pindah
 - (b) pertanian kebun kecil
 - (c) pertanian ladang
2. Pertanian pindah:
 - (a) Pertanian pindah masih dijalankan oleh orang asli dan puak di pedalaman Malaysia, terutamanya di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak.

Pertanian pindah membawa kesan-kesan buruk seperti:

- (a) kehilangan kayu balak yang berharga.
- (b) hakisan tanah berlaku apabila kawasan tanah ditinggalkan terdedah kepada hujan lebat.
- (c) tanah yang dihakis dibawa ke sungai dan menyebabkan banjir di kawasan rendah.
- (d) tanah yang digunakan oleh petani pertanian pindah akan kehilangan kesuburannya.

3. **Pertanian kebun kecil:**
 - (a) Pertanian kebun kecil merupakan kegiatan pertanian yang paling luas dan penting di Malaysia.
 - (b) Luas kawasannya biasanya di antara 1 hingga 2 hektar.
 - (c) Pertanian kebun tidak memerlukan modal yang besar.
 - (d) Pekebun kecil menanam:
 - (i) tanaman sara diri seperti padi, jagung, buah-buahan, dan sayur-sayuran.
 - (ii) tanaman dagangan seperti getah, kelapa sawit, kelapa, lada hitam, dan koko.
 - (e) Para petani menggunakan jentera-jentera kecil dan kemudahan pemrosesan serta pemasaran yang disediakan oleh kerajaan.
4. **Pertanian ladang:**
 - (a) Pertanian ladang adalah penanaman untuk tujuan eksport. Kaedah ini biasanya dijalankan secara besar-besaran.
 - (b) Luas kawasannya biasanya melebihi 40 hektar.
 - (c) Hasil pengeluarannya besar dan biasanya diproses di ladang sendiri sebelum dieksport.
 - (d) Jenis-jenis tanaman yang diusahakan ialah getah, kelapa sawit, koko, nanas, kelapa, lada hitam, dan teh.
 - (e) Jentera pertanian, baja kimia, dan racun pencegah perosak tanaman digunakan secara meluas. Oleh itu, pertanian ini memerlukan modal yang besar.
5. Pertanian kebun kecil dan pertanian ladang menghasilkan pelbagai jenis tanaman.




Rajah 22.2 Malaysia: Jenis-jenis tanaman utama

- Terdapat tiga jenis tanaman, iaitu:
- (a) tanaman makanan seperti padi, jagung, ubi kayu, ubi keledak, dan kekacang.
 - (b) tanaman dagangan seperti getah, kelapa sawit, kelapa, koko, dan lada hitam.
 - (c) tanaman pasar seperti buah-buahan dan sayur-sayuran.
- Peternakan tergolong dalam sektor pertanian juga. Pemeliharaan ayam, itik, kambing, lembu, kerbau, dan babi dijalankan secara sampingan di kampung. Peternakan ayam itik banyak dijalankan oleh pekebun sayur untuk keperluan tempatan.

faktor-faktor yang Mempengaruhi pertanian

- Bentuk muka bumi:
- Delta sungai dan dataran sesuai untuk penanaman padi.
 - Tanah pamah yang beralun pula sesuai untuk penanaman getah dan kelapa sawit.
 - Kawasan kaki bukit yang bersaliran baik sesuai juga untuk penanaman getah dan kelapa sawit.
 - Cerun-cerun di kawasan tanah tinggi yang berteres sesuai untuk penanaman teh.
 - Dataran pantai yang bersaliran baik sesuai untuk penanaman kelapa.
2. Tanah:
- Tanah lanar sesuai untuk penanaman padi sawah.
 - Tanah laterit sesuai untuk penanaman getah dan kelapa sawit.
 - Tanah pasir sesuai untuk penanaman kelapa.
 - Tanah gambut sesuai untuk penanaman nanas.
3. Saliran:
- Tanah yang bersaliran baik sesuai bagi tanaman getah, kelapa sawit, kelapa, koko, dan tembakau.
 - Tanah liat yang dapat menakung air sesuai bagi penanaman padi.
4. Iklim:
- Suhu di kawasan tanah pamah kira-kira 27°C menggalakkan pelbagai jenis tanaman tropika seperti getah, padi, kelapa sawit, dan sebagainya.
 - Suhu di kawasan tanah tinggi kira-kira 18°C sesuai untuk penanaman sayur-sayuran hawa sederhana, bunga-bunga, dan teh.
 - Kawasan yang menerima hujan tahunan lebih daripada 1500 mm sangat sesuai untuk penanaman getah, kelapa sawit, koko, dan kelapa.
 - Kawasan yang menerima hujan tahunan lebih daripada 2540 mm sangat sesuai untuk penanaman lada hitam dan teh.
 - Kawasan yang mempunyai satu musim kering seperti di Kelantan Darul Naim sesuai untuk penanaman tebu dan tembakau.
5. Faktor hayat:
Masalah serangan penyakit, serangga, dan parasit akan merosakkan tanaman.
6. Faktor ekonomi:
- Permintaan tempatan dan luar negeri
 - Keupayaan petani membeli racun serangga dan baja.



Rajah 22.3 Faktor-faktor yang mempengaruhi kegiatan pertanian



7. Pertanian kerajaan:

Kerajaan telah menubuhkan pelbagai agensi untuk membantu para petani tentang penggunaan teknologi moden dan mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka, misalnya:

- (a) Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA);
- (b) Lembaga Penyatuan dan Pemuliharaan Tanah Persekutuan (FELCRA);
- (c) Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI);
- (d) Lembaga Kemajuan Getah Malaysia (RISDA);
- (e) Institut Penyelidikan Getah Malaysia (RRIM);
- (f) Institut Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit Malaysia (PORIM);
- (g) Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN);
- (h) Lembaga Tembakau Negara (LTN);
- (i) Lembaga Perusahaan Nanas Tanah Melayu (MPIB).

8. Pengaruh sains dan teknologi terhadap kemajuan pertanian:

- (a) Baja kimia dan racun serangga digunakan untuk meninggikan hasil pengeluaran pertanian dan mengekalkan kesuburan tanah-tanah.
- (b) Tanah yang tidak sesuai untuk pertanian, boleh digunakan dengan penggunaan kimia.
- (c) Penggunaan baja kimia dan racun serangga yang berlebihan dan kawasan perairan yang berhampiran seperti tasik dan sungai boleh mencemarkannya.
- (d) Penggunaan jentera untuk membajak, membaja, dan menuai akan:
 - (i) **mempercepat** kerja pertanian.
 - (ii) meningkatkan **kecekapan** pengeluaran.
 - (iii) menjimatkan **masa kerja**.
 - (iv) menjimatkan **kos pekerja**.
- (e) **Penyelidikan** dijalankan untuk memperoleh benih yang cepat berhasil serta bermutu.
- (f) Mengadakan sistem pengairan untuk:
 - (i) **memperluas** kawasan pertanian.
 - (ii) mengatasi masalah **kekurangan air**.
 - (iii) menambahkan **pengeluaran hasil tanaman**.
 - (iv) membolehkan penanaman **dua tanaman** atau lebih diusahakan dalam setahun.
- (g) Menebus guna tanah untuk **memperluas** kawasan pertanian.
- (h) Mengadakan **pengurusan** yang baik di ladang dan pemasaran yang baik dan tetap.
- (i) Sistem pengangkutan yang baik dapat:
 - (i) **mempercepat** pengangkutan hasil pertanian ke kilang, pasaran, dan pelabuhan.
 - (ii) membantu **mengurangkan kerosakan** hasil tanaman.



- PETUNJUK**
 [Hatched pattern] Rancangan Kemajuan Tanah
- (a) Perak Selatan
 - (b) Lembah Klang
 - (c) Johor Tenggara
 - (d) Pahang Tenggara
 - (e) Segitiga Jengka
 - (f) Terengganu Tengah
 - (g) Kelantan Selatan

Peta 22.6 Semenanjung Malaysia: Rancangan Kemajuan Tanah

Pertanian

Suhu: 27°C
 Hujan tahunan: 2030 mm
 Bentuk muka bumi: rata
 Jenis tanah: gambut

- 56 Keadaan-keadaan iklim yang disenaraikan di atas paling sesuai untuk penanaman
 A padi. C koko.
 B kelapa. D nanas.
- 57 Di antara agensi-agensi kerajaan yang berikut, yang manakah yang berkait dengan pengeluaran kelapa sawit di Malaysia?
 A SIRIM C RRIM
 B PORIM D RISDA
- 66 Getah dan kelapa sawit sangat sesuai ditanam di kawasan kaki bukit kerana
 A terlindung daripada tiupan angin monsun.
 B menerima hujan yang lebat sepanjang tahun.
 C mempunyai saluran yang baik.
 D mempunyai tanah yang subur.
- 67 Pasangan-pasangan di bawah ini menunjukkan tanaman dan agensi pemasarannya, kecuali


Tanaman	Agensi Pemasaran
A Padi	LPN
B Getah	MARDEC
C Kelapa sawit	PORLA
D Lada hitam	FELCRA

- 72 Di antara yang berikut, yang manakah yang merupakan usaha untuk meningkatkan pengeluaran padi di Malaysia?
 I Menebus guna kawasan paya.
 II Membina lebih banyak sistem pengairan.
 III Menjalankan penyelidikan untuk mendapat baka yang berhasil tinggi.
 IV Mengawal harga eksport padi.
 A I, II, dan III sahaja
 B II, III, dan IV sahaja
 C I, II, dan IV sahaja
 D I, III, dan IV sahaja

DARA
 KEJORA
 KETENGAH


- 63 Hasil eksport yang dikaitkan dengan nama-nama di atas mungkin sekali
 A koko. C lada hitam.
 B kopra. D kelapa sawit.

Soalan 58 berdasarkan peta yang berikut.



- 58 Kawasan ini digelar "Jelapang Padi Malaysia". Kemudahan pengairan membolehkan padi ditanam dua kali setahun.
 Huraian di atas mungkin sekali merujuk kepada
 A kawasan I. C kawasan III.
 B kawasan II. D kawasan IV.

Soalan 60 berdasarkan peta yang berikut.



- 60 Di antara kawasan-kawasan yang ditandakan pada peta, yang manakah yang paling banyak ditanami kelapa sawit?
 A kawasan I C kawasan III
 B kawasan II D kawasan IV

Berinchang
 Kundasang

- 61 Kawasan-kawasan dalam senarai di atas berkait rapat dengan pengeluaran
 A buah-buahan tempatan.
 B ikan air tawar.
 C kuasa hidro elektrik.
 D teh.

- 62 Pasangan yang manakah yang benar tentang tanaman dan kawasan pengeluaran utama?

Tanaman	Kawasan
A Kelapa	Bagan Datuk
B Koko	Pontian
C Kelapa sawit	Padang Terap
D Lada hitam	Oya

NAMA: _____


TINGKATAN: _____

3/7/1998

Ujian Geografi PMR (GEOGRAFI KAWASAN MALAYSIA)

(sila pilih jawapan yang tepat sahaja.)

1. **kubu A-famosa, pendaratan Chen-ho pada dinasti Ming**
Kedua-dua pernyataan di atas menunjukkan perkembangan bandar Melaka dipengaruhi oleh faktor-faktor berikut, kecuali
A. keselamatan B. pelabuhan C. perdagangan D. pengajian tinggi
2. Berikut adalah pengalaman seorang pelancong asing di Kuala Lumpur pada waktu petang :
'Langit diliputi oleh awan dan menjadi gelap, tidak lama kemudian hujan turun dengan lebat bersama dengan kilat dan petir. Tidak sampai satu jam, langit menjadi cerah semula.'
Ini menunjukkan keadaan cuaca
A. hujan bukit B. hujan asid C. hujan perolakan D. hujan perenggan
3. Di manakah antara berikut merupakan kawasan-kawasan perlombongan timah lanar yang utama?
I. lembah Kelang II. Lembah Kinta III. Sungai Lembing
IV. Kuala Langat V. Kaki bukit
A. I, II, III B. I, II, IV. C. I, III, IV. D. III, IV, V.
4. Di antara berikut, perkembangan awal bandar yang mana berkaitan dengan aktiviti-aktiviti perlombongan ?
I. Ipoh II. Pulau Pinang III. Kuala Lumpur IV. Kota Bahru V. Bintulu
A. I, II, III. B. I, III, IV. C. I, III, V. D. II, IV, V.
5. **mencari-gali → membina pelantar minyak → menggerudi → mengangkut → membersihkan**
Pernyataan di atas menunjukkan aktiviti perlombongan
A. bijih timah B. bauksit C. petroluem D. arang batu
6. Tumbuhan semula-jadi yang mana hidup subur di keadaan berikut :
'muara sungai, tanah lumpur, dibanjiri air masin'
A. pokok ru B. pokok bakau C. pokok tirus D. paku-pakis
7. Yang mana satu ciri berikut merupakan persamaan bagi pertanian ladang dan pekebun kecil di Malaysia?
A. luas kawasan tanaman B. modal yang diperlukan C. tanaman dagangan
D. penggunaan jentera
8. **Tanah Tinggi Camaron, Tasik Kenyir, Bukit Fraser**
Tempat-tempat yang disenaraikan di atas menunjukkan pusat
A. penanaman sayur B. pembalakan C. kuasa elektrik hidro D. peranginan
9. Di bahagian bukit yang dikenali lindungan hujan menerima sedikit hujan.



Di mana berikut merupakan kawasan kering di Semenanjung Malaysia?

- A. I, II
- B. II, III
- C. I, III
- D. III, IV


10. Padi sawah sesuai di tanam di kawasan tanah lanar dan sisten pengairan yang baik. Berikut merupakan kawasan penanaman padi yang utama di Malaysia, **kecuali**
 A. Tanjung Karang B. Delta Kelantan C. Dataran Kedah-Perlis D. lembah Sungai Gombak
11. FELDA adalah berkaitan dengan kenyataan –kenyataan berikut:
 I. penanaman getah dan kelapa sawit II. Rancangan kemajuan tanah swasta
 III. melibatkan transmigrasi IV. Kemudahan infrastruktur disediakan untuk petani
 A. I,II,III B. I,II,IV C. I,III, IV D. II, III,IV

12. **suhu tahunan : 28 C , hujan tahunan : >2000 mm, pancaran matahari banyak**

Kedadaan iklim ini mewujudkan hutan khatulistiwa mempunyai ciri-ciri berikut:

- I. daun malaar hijau dan berbentuk jarum
 II. pokok-pokok tumbuh dengan padat
 III. pokok-pokok tinggi dan berakar banir
 IV. pokok-pokok berbatang kayu keras
 A. I, II, III B. I,II, IV C. I, III, IV D. II, III, IV

13. Arah yang manakah menunjukkan angin monsun pada bulan Disember di semenanjung Malaysia?







O (khatulistiwa)

14. Mengapa angin monsun timur-laut membawa hujan yang lebat ke Semenanjung Malaysia berbanding dengan angin monsun barat-daya?
 A. angin monsun timur-laut adalah angin yang panas
 B. angin monsun timur-laut bertiup dari laut tanpa halangan
 C. angin monsun timur-laut bertiup dari Australia
 D. angin monsun timur-laut bertiup ketika tekanan rendah di benua Asia

15. Gunung tertinggi di semenanjung Malaysia terletak di banjaran mana ?




16. Pola petempatan jenis berjajar adalah seperti yang ditunjuk dalam gambarajah



17. Pada 20 tahun yang akan datang, bandar-bandar ternyata dalam peta berikut dibangun dengan Pesatntnya. Faktor-faktor yang berkaitan dengan pembangunan tersebut adalah
 I. perlombongan II. Perhubungan III. Perindustrian IV. Perdagangan

- A. I, II, III
- B. I, II, IV
- C. II, III, IV
- D. I, II, III, IV



18. Hutan asal di daerah X telah diterangkan untuk kegiatan perlombongan. Apa akan berlaku ?

- I. hakisan tanah II. Kawasan tadahan menyusut
- III. tumbuhnya hutan sekunder IV. Habitat hutan terganggu
- A. I, II, III B. I, II, IV C. II, III, IV D. I, II, III, IV

19. Yang mana berikut bukan merupakan kesan buruk pertanian pindah?

- A. kehilangan kayu balak berharga
- B. menyarakan hidup orang-orang asli
- C. hakisan tanah
- D. tanah menjadi semakin tandus

20. Perlombongan bijih timah di Malaysia semakin merosot kerana

- I. persaingan penggunaan plastik dan aluminium
- II. harga timah semakin tinggi di pasaran
- III. kos pengeluaran yang tinggi
- IV. longgokan timah semakin berkurangan
- A. I, II, III B. I, III, IV C. II, III, IV D. I, II, III, IV

Sila tuliskan jawapan di bawah :

- 1. _____ 2. _____ 3. _____ 4. _____ 5. _____
- 6. _____ 7. _____ 8. _____ 9. _____ 10. _____
- 11. _____ 12. _____ 13. _____ 14. _____ 15. _____
- 16. _____ 17. _____ 18. _____ 19. _____ 20. _____

JUMLAH JAWAPAN YANG BETUL : _____

学生学习态度自我测试表

姓名:
班级:
年龄:
学号:

1. 不能做到
2. 很少做到
3. 有时做到
4. 常常做到
5. 一定做到

- | | | | | | |
|------------------------------|---|---|---|---|---|
| 1. 老师教学时,我都能集中精神听讲。 | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 2. 每堂学习结束后,我都有温习。 | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 3. 老师教课前,我有做预习。 | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 4. 每次温习功课,我都很快理解领会。 | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 5. 每个单元的课程,我都清楚学习目标。 | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 6. 学习时,我有利用先前知识来与现在的学习挂钩。 | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 7. 当我学习碰到困难时,我会自动去翻查资料或请教老师。 | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 8. 我有做笔记的习惯。 | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 9. 我把学习过的知识,重新整理,让自己更容易掌握。 | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 10. 我会利用学过的知识,进行自我测试。 | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 11. 我会使用一些方法来记忆。 | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 12. 每次温习时,我可以从课文内找出主题及中心概念。 | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 13. 我会用自己的语句来表达或总结课文内容。 | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 14. 温习时,我会去思考课文的内容。 | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 15. 我准时做完老师指定的功课。 | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 16. 当我发现自己明白了课文内容,我觉得很快乐。 | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 17. 我和同学一起讨论功课。 | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |

18. 我和老师的关系良好。 1 2 3 4 5
19. 当我遇到学习障碍时，我有耐心去想法子解决。 1 2 3 4 5
20. 我希望每年都顺利升班。 1 2 3 4 5

得 分： _____

其他意见：
